

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 6/12/2010

Lima langkah transformasi kukuhkan BN

UM 6-12-2010

KUALA LUMPUR 5 Dis. – UMNO mencadangkan lima langkah transformasi bagi mengukuhkan lagi perjuangan Barisan Nasional (BN) termasuk memantapkan struktur organisasi di peringkat negeri, bahagian dan peti undi agar parti dapat berfungsi dengan baik pada setiap masa.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, dengan adanya struktur organisasi yang mantap, BN pasti dapat menggiatkan lagi program-programnya yang dilaksanakan secara bersama parti-parti komponen.

“Program-program seperti ini adalah penting untuk memupuk dan menyuburkan rasa kebersamaan dan ke-

kitaan dalam kalangan ahli parti terutama di peringkat akar umbi.

“BN juga perlu mengambil langkah lebih berani dalam menangani isu sensitif berkaitan hubungan kaum dan agama yang sering menjadi pantang-larang dalam politik masyarakat majmuk,” katanya semasa membahaskan ucapan dasar Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Konvensyen BN di sini hari ini.

Muhyiddin yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, selaras dengan pendekatan parti yang mesra dan responsif terhadap harapan rakyat, pelbagai program melibatkan mereka yang berbentuk kebajikan, pendidikan,

kesihatan, kesukanan, kebudayaan dan ekonomi perlu dilaksanakan secara kolektif antara parti komponen.

Menurutnya, BN perlu memelopori usaha mewujudkan rangkaian strategik dengan kumpulan-kumpulan yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat.

“Ini selaras dengan pindaan perlembagaan parti yang membuka keahlian secara terus kepada individu dan pertubuhan bukan kerajaan,” katanya.

Muhyiddin juga berkata, UMNO akan sentiasa berlaku adil kepada kaum lain dan bermusyawarah dengan parti komponen BN untuk mencapai kesepakatan dalam perkara yang menyetujui kepentingan semua kaum.

55